



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM  
JABATAN ALAM SEKITAR

**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

**KEPUTUSAN PENDAKWAAN KES PENCEMARAN SG KIM-KIM**

---

**2 Disember 2023, PUTRAJAYA** – Mahkamah Sesyen Jenayah 4, Johor Bahru pada 30 November 2023 telah menjatuhkan denda maksimum sebanyak RM100,000.00 ke atas Maridass A/L Nallapan yang menyebabkan kejadian pencemaran pelupusan haram buangan terjadual di Sungai Kim Kim pada tahun 2019.

Hasil siasatan, tertuduh didapati telah melepaskan buangan terjadual di bawah Kod SW311 iaitu enap cemar berminyak, seperti yang tersenarai dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ke dalam Sungai Kim Kim dengan menggunakan motolori nombor pendaftaran MBA 8996 jenis Mitsubih dan semi treller tangki-M/Sawit no plat T/JJ3595, yang tidak dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996).

Seramai 38 orang saksi telah dipanggil bagi memberikan keterangan berhubung kes pencemaran ini. Tertuduh, Maridass A/L Nallapan telah

membuat pengakuan bersalah ke atas pertuduhan dibawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996).

Disamping itu juga, kes ini dibicarakan bersekali dengan 8 kes kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014 ke atas Syarikat P Tech Resources Sdn. Bhd. di mana Syarikat telah mengaku bersalah bagi kesemua pertuduhan yang melibatkan:

- i. Peraturan 5(1)(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana gagal mengemukakan pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum kerja di premis yang terletak di PLO 113, Jalan Nibong 2, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat dimulakan yang boleh mewujudkan satu punca pengeluaran;
- ii. Peraturan 5(1)(c), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana telah membina premis yang mewujudkan satu punca pengeluaran yang baru tanpa memberi pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah tiga puluh (30) sebelum pembinaan premis ini;
- iii. Peraturan 7(3), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana gagal mengendalikan dan menyelenggarakan sistem kawalan pencemaran udara mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh dan memastikan bahawa semua komponen sistem kawalan pencemaran udara berfungsi dengan baik;

- iv. Peraturan 7(4), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana gagal memastikan sistem kawalan pencemaran udara diselia oleh orang yang berwajib yang bertugas di sepanjang masa sistem kawalan pencemaran udara beroperasi;
- v. Peraturan 9(a), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana gagal melengkapkan premis dengan kelengkapan atau peralatan yang berkaitan bagi menjalankan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara;
- vi. Peraturan 9(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana gagal menjalankan pemantauan prestasi bagi komponen sistem kawalan pencemaran udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- vii. Peraturan 10(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana gagal menyenggara rekod bagi proses pengilangan, dan bagi penyenggaraan dan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- viii. Peraturan 16(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 kerana menjalankan pemantauan berkala yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua (I)1, bagi bahanapi jenis cecair.

Setelah mendengar pengakuan bersalah dan meneliti fakta kes dan dokumen kes, Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah 4, Johor Bahru iaitu Dato' Che Wan Zaidi bin Che Wan Ibrahim telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 40,000.00 bagi setiap pertuduhan ke atas Syarikat P Tech Resources Sdn. Bhd. dengan jumlah denda keseluruhan sebanyak RM320,000.00.

JAS komited dalam menangani sebarang isu pencemaran alam sekitar. Dalam hubungan ini pihak industri dan semua pihak yang terlibat diingatkan dan diberi amaran tegas supaya tidak melakukan sebarang pelupusan haram sisa toksik dan merbahaya atau buangan terjadual dan juga tidak melakukan sebarang pencemaran alam sekitar yang lain seperti pencemaran udara dan air. Semua pesalah akan berdepan dengan hukuman perundangan yang setimpal atau maksimum. Adalah menjadi tanggungjawab pihak industri untuk memastikan pengurusan alam sekitar termasuk pengurusan buangan toksik dan merbahaya (buangan terjadual), kawalan pencemaran udara dan air dilaksanakan dengan sempurna bagi mencegah berlaku pencemaran yang berpotensi memberi risiko kepada alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

Orang awam juga digesa untuk membantu dan memberikan kerjasama dengan menjadi mata dan telinga untuk menyalurkan aduan dan melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia